

05/05/2000

Kes liwat ditangguh

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Tinggi hari ini, menangguhkan perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan Abu Bakar kepada satu tarikh yang ditetapkan nanti.

Timbalan Kanan Pendaftar, Rozilah Salleh yang mengumumkan penangguhan itu berkata tarikh baru ditetapkan selepas Mahkamah Rayuan membuat keputusan berhubung rayuan kedua-dua tertuduh.

Anwar dan Sukma Darmawan membuat rayuan berhubung keputusan Hakim Datuk Ariffin Jaka yang memutuskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak perlu hadir sebagai saksi pembela untuk memberi keterangan.

Sementara itu, peguam bela Sukma Darmawan, Gobind Singh Deo memberitahu mahkamah pihaknya tidak akan memanggil Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon atau pegawai pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi saksi pembela.

Pada Khamis lalu, Ariffin membenarkan permohonan Anwar dan Sukma Darmawan untuk menangguhkan keputusannya berhubung kehadiran Dr Mahathir sebagai saksi pembela dalam perbicaraan itu.

Anwar, 53, dan Sukma, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, antara Januari hingga Mac 1993. Bagi tuduhan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

(END)